

TERUJA menjalankan aktiviti mencari hidupan di dalam air.



Hargai sungai

60 pelajar sertai program mengkaji air sungai di Hutan Rekreasi Lembah Kiara



PESERTA merujuk rajah membandingkan dapatan di dalam air.



KHUSYUK mendengar penerangan hasil dapatan menjalankan kajian air di sungai.



DR Santharasekaran (tengah) ceria bersama peserta.

Oleh Rosman Shamsudin
rencana@hmetro.com.my

Seramai 60 peserta terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan menengah menyertai Program Pendidikan Kesedaran Sungai dan Air peringkat kebangsaan anjuran Green Ranger Malaysia (GRM) di Hutan Rekreasi Lembah Kiara, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Program ditaja SALCON Berhad itu bertujuan mendidik pelajar menghargai dan mengurus sungai dengan cara bijak.

Sepanjang program, peserta didedahkan dengan pelbagai kaedah untuk melihat kualiti air sungai termasuk pemerhatian terus dan kajian secara kimia serta biologi melalui aktiviti dijalankan secara teori dan praktikal.

Jurulatih Utama GRM, Dr S Santharasekaran berkata, program itu mampu memberi peluang kepada pelajar mempelajari serta mengenali pelbagai spesies, selain menjadi platform menyuntik rasa tanggungjawab menjaga kepentingan air.



SERONOK ketika menjalankan aktiviti di dalam air.



MELIHAT kualiti air sebelum menjalankan aktiviti.

Menurutnya, bagi memastikan kajian air berjalan lancar, pelajar dibekalkan pelbagai peralatan seperti jaring, akuarium kecil, sudu plastik, cawan, buku rajah kajian kualiti air untuk memastikan kajian secara biologi berkesan.

"Sepanjang berada di sungai, peserta menangkap anak udang dan nimfa pepatung serta pelbagai spesies hidupan air bagi menjalankan kajian secara biologi.

"Saya amat berharap program ini mampu memberi pendedahan kepada pelajar menjadi lebih bertanggungjawab terutama menjaga kepentingan air serta memulihara sungai," katanya.